

Kadar pengangguran diunjur terus berkurangan

Rabu, 12 Januari 2022 BH

Kadar pengangguran diunjur terus berkurangan

Kadar pengangguran Malaysia dijangka lebih baik tahun ini pada 3.9 peratus, demikian menurut Kenanga Research.

Firma penyelidikan itu berkata, momentum pemulihan dijangka meningkat pada 2022 apabila ekonomi terus mencatatkan pengembangan, dipacu pelbagai sokongan dasar berterusan dan permintaan luar yang kukuh.

"Bagaimanapun, kami menguangi tinjauan optimistik berhati-hati terhadap pasaran buruh tahun ini, sebahagian besarnya disebabkan risiko penurunan berterusan dikaitkan dengan varian baharu COVID-19, yang mungkin menjelaskan pemulihan pertumbuhan ekonomi," katanya dalam nota penyelidikan, semalam.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan kadar pengangguran Malaysia pada November 2021 berkurangan dibawah 700,000 orang buat kali pertama sejak April 2020.

Namun, kadar pengangguran kekal pada 4.3 peratus untuk bulan kedua berturut-turut.

Kenanga Research berkata, pasaran buruh terus pulih pada Disember 2021 dan mencapai angka purata 4.6 peratus untuk setahun penuh, sejajar dengan pembukaan semula meluas ekonomi domestik yang disokong oleh kemajuan kempen vaksinasi COVID-19.

"Jumlah penganggur susut untuk bulan keempat berturut-turut pada November 2021, mencerminkan pemulihan berterusan dalam pasaran buruh.

"Jumlah pengangguran berada pada 694,400 pada November 2021 daripada 705,000 pada Oktober, terendah sejak Mac 2020," katanya.

Bagaimanapun, firma itu berkata, pertumbuhan guna tenaga mencatatkan pengembangan berterusan 0.4 peratus bulan ke bulan pada November berbanding Oktober (0.6 peratus) walaupun pada kadar agak perlahan dalam tempoh empat bulan.

"Tenaga buruh berkembang 0.2 peratus bulan ke bulan pada November 2021 daripada 0.4 peratus pada Oktober, tetapi pada kadar lebih perlahan dan menjadikan jumlah tenaga buruh kepada rekod tertinggi 16.3 juta daripada 16.26 juta," katanya.

Kenanga Research berkata, kadar penyertaan tenaga buruh juga meningkat untuk bulan keempat berturut-turut kepada 69 peratus pada November 2021 daripada 68.8 peratus pada Oktober 2021 iaitu rekod tertingginya, terutama disebabkan rakyat yang kembali mencari pekerjaan.

BERNAMA